



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada SKP berjudul 'Di Putrajaya... ...Ada Permitkah?' yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 9 Jun 2010.

PPj ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan pihak tuan melaporkan masalah ini. Walau bagaimanapun, kehadiran warga Bangladesh di Putrajaya hanyalah selaku pekerja atau buruh bagi sektor-sektor yang dipermitkan termasuklah sektor perkhidmatan dan restoran. Tidak ada dasar khusus yang menghadkan kehadiran mereka di Putrajaya walaupun Putrajaya adalah Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Rekod kami mendapati bahawa tiada warga negara asing termasuklah warga Bangladesh yang dilesenkan oleh PPj untuk menjalankan perniagaan runcit dan makanan kerana pelesenan hanya dikeluarkan kepada rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat tuan punya perniagaan yang memberi kepercayaan penuh kepada pekerja mereka untuk menguruskan sesuatu cawangan dan ini tidak menjadi satu kesalahan.

Untuk makluman, PPj boleh mengenakan tindakan termasuk membatalkan lesen, jika lesen yang diberi dipajak kepada bukan warga negara. Namun demikian, sehingga kini belum ada kes seumpama itu.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(ZAHARAH SALAMAT)

Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 10 Jun 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : Berita Harian
Segmen : Sentral
M/s : 6
Tarikh : 9 Jun 2010

DI PUTRAJAYA tempat pentadbiran kerajaan terlalu ramai pendatang Bangladesh, ada yang siap buka kedai runcit dan kedai makan terutama di Flet Hijau, *food court*. Ada permitkah? [WANSU81:BHA19785]